



KERAJAAN NEGERI KELANTAN & ANOR V WONG MENG YIT & ORS [2012] 6 MLJ 57

FAKTA KES

Pegawai perayu kedua telah menyerbu kedai buku responden-responden dan menyita tiket loteri cepu lumba kuda daripada premis mereka dan mengkompaun responden-responden untuk kesalahan "*trading without a MPKB-BRI Licence (Big Sweep)*" di bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Kota Bharu) 1989. Dalam meneruskan tindakan tersebut perayu-perayu telah bergantung kepada autoriti tentang kuasa am mereka di bawah sesyen 9 dan 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 untuk mengeluarkan sebarang perintah atau polisi atau menggubal sebarang undang-undang kecil untuk menghalang atau melarang penjualan loteri dan cepu lumba kuda di Kelantan

Responden-responden memfail saman pemula ("SP") di Mahkamah Tinggi memohon, antara lain, deklarasi bahawa perayu-perayu **tidak mempunyai bidang kuasa** di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk menggubal, mengeluarkan atau membuat mana-mana undang-undang, undang-undang kecil, enakmen, peraturan, atau polisi untuk mengharamkan, melarang atau menghalang aktiviti melibatkan perjudian dan loteri, termasuk cepu lumba kuda kerana ia merupakan perkara yang terangkum dalam bidang kuasa eksklusif Parlimen. .

Asas SP adalah bahawa penjualan loteri dan cepu lumba kuda adalah sah dan dibenarkan di bawah Akta Loteri 1952 dan Racing Club (Public Sweepstakes) Act 1965 (kedua-duanya undang-undang persekutuan) dan bahawa di bawah perkara 74 Perlembagaan Persekutuan hanya Parlimen yang mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang berkaitan dengan loteri dan cepu lumba kuda di Malaysia.

Nota: Undang-undang Subsidiari adalah undang-undang yang dibuat dan diluluskan pihak-pihak dan badan-badan tertentu seperti Menteri/pihak berkuasa tempatan di bawah kuasa yang diberi padanya oleh Akta-Akta Parlimen dan Enakmen. Kuasa undang-undang diturunkan kepada satu badan tertentu untuk mencipta, memansuh, melaksanakan undang-undang kepada situasinya.

Rujukan bersama Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388)

Sumber rujukan: Ebook Legal Buzz Universiti Malaysia Terengganu & Laman web Elaw.my

Oleh itu, adalah diujahkan bahawa tindakan yang diambil terhadap responden-responden adalah tidak berperlembagaan, *ultra vires* dan tidak sah di bawah Perlembagaan Persekutuan. Perayu-perayu memohon untuk mengetepikan SP responden-responden.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

- 1) Mana-mana prosiding untuk deklarasi bahawa undang-undang adalah tidak sah atau deklarasi yang mana mempunyai efek secara langsung yang mengisytiharkan undang-undang tidak sah dan *ultra vires* Perlembagaan Persekutuan tidak seharusnya dimulakan tanpa mendapatkan kebenaran terdahulu hakim Mahkamah Persekutuan.
- 2) Dalam kes ini, SP dengan jelas mencabar atau mempersoalkan kesahan undang-undang negeri yang relevan atas dasar Negeri Kelantan tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang sedemikian. SP dengan jelas terangkum dalam lingkungan perkara 4(3) dan (4) Perlembagaan. Adalah tidak disangkalkan bahawa responden-responden tidak memperoleh kebenaran terdahulu hakim Mahkamah Persekutuan sebelum memulakan SP.
- 3) Keperluan kebenaran di bawah perkara 4(4) Perlembagaan adalah mandatori yang mana tanpanya SP adalah terbatal dan tidak sah dan penyalahgunaan proses mahkamah dan seharusnya diketepikan.

